



**TEKS UCAPAN  
YBHG DATUK  
REKTOR**

**TARIKH : DISEMBER 26, 2001**

**MASA : 8.00 PAGI – 1.00 TENGAHARI**

**TEMPAT : PUTRI RESORT, AYER KEROH MELAKA**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**ALHAMDULLILLAH                      HIRABILALAMIN  
WASSALATU WASSALAMU ALAA ASHRAFIL  
ANBIA II WAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASAHIHI AJ'MAIN**

**ASSALAMMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

**YBhg. Prof. Ismail bin Hassan  
Timbalan Rektor Akademik**

**YBhg. Prof. Dr. Azhari bin Saleh  
Timbalan Rektor  
(Pembangunan & Perancangan Korporat)**

**Pegawai-pegawai Kanan**

**Dekan-dekan**

**Saudara dan saudara**

**Yang dikasihi sekalian**

meliputi aspek akademik, bukan akademik mahupun sistem pentadbiran.

Terdahulu kita telah membincangkan akan misi KUTKM iaitu suatu matlamat untuk kita lakukan dalam jangka masa panjang. Pencapaian misi amat penting kerana ianya menggambarkan kejayaan sesebuah organisasi. Misi KUTKM yang telah dirangka iaitu untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan tinggi melalui pendidikan tinggi teknikal bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan

**berorientasikan aplikasi dengan perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi negara. Manakala visi KUTKM adalah untuk menjadi sebuah Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif serta terkemuka di dunia.**

**Untuk sesi bengkel ini, kita akan berbincang bagi merangka dan menyediakan kenyataan logo KUTKM beserta pengertiannya. Logo bagi sesebuah organisasi itu amat perlu kerana logo merupakan salah satu daripada elemen penting yang bertindak mewakili sesebuah pertubuhan yang**

**melambangkan imej, identiti serta menjadi kebanggaan sesebuah organisasi.**

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

**Penilaian harus dilakukan dengan bijaksana untuk memilih rekabentuk sesebuah logo kerana logo hendaklah dinilai sebagai bentuk yang ringkas tetapi unik dan membawa pengertian tersendiri.**

**Logo yang menarik akan lebih unggul apabila diisi dengan pengertian yang ringkas, mudah difahami dengan kata-**

kata yang penuh bermakna. Pengertian ini adalah sebagai penghubung di antara organisasi kita dengan pihak luar kerana kata-kata yang terkandung akan menyampaikan hasrat, cita-cita, matlamat dan impian KUTKM kepada umum.

Hadirin yang dihormati,

Dengan adanya bengkel ini, saya berharap agar matlamat kita untuk menyediakan kenyataan logo rasmi KUTKM akan berjalan dengan lancar.

Sumbangan melalui ide-ide bernas tuan-tuan dan puan-puan di bengkel ini amatlah diperlukan. Saya selaku Rektor

**KUTKM mengucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan dan semoga usaha kita di dalam menyediakan kenyataan logo rasmi KUTKM ini diberkati oleh Allah SWT.**

**Sekian. *Wabillahi taufiq walhidaya wassalamualaikum wbt. wrt.***